

EKSPRESI RASA DALAM NOVEL Re. KARTHIGESU BERDASARKAN TEORI *RASA*-FENOMENOLOGI

KALEIWANI A/P SUBRAMONIAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

EKSPRESI RASA DALAM NOVEL Re. KARTHIGESU BERDASARKAN TEORI
RASA-FENOMENOLOGI

KALEIWANI A/P SUBRAMONIAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ..9.....(hari bulan).....7..... (bulan) 2024.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, KALEIWANI A/P SUBRAMONIAM (M20211000921) FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk EKSPRESI RASA DALAM NOVEL Re. KARTHIGESU BERDASARKAN TEORI RASA- FENOMENOLOGI

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PM DR. MANONMANI DEVI A/P M.A.R ANNAMALAI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk EKSPRESI RASA DALAM NOVEL Re. KARTHIGESU BERDASARKAN TEORI RASA - FENOMENOLOGI

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

09.7.2024

Tarikh

PROF. Madya. DR. MANONMANI DEVI M.A.R ANNAMALAI
 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
 UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
 35900 TANJONG MALIM, PERAK, MALAYSIA
 Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: EKSPRESI RASA DALAM NOVEL Re. KARTHIGESU BERDASARKAN
TEORI RASA - FENOMENOLOGI

No. Matrik /Matric's No.: M20211000921

Saya / I : KALEIWANI A/P SUBRAMONIAM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


PROF. Madya. DR. MANOHARI DEVI M.A.R ANNAMALAI
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 1.8.2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

தினைத்துணை நன்றி செயினும் பனைத்துணையாகக்
கொள்வர் பயன்தெரி வார். (குறள் : 104)

Tinaittunai Nanri Ceyinum Panaittunaiyākak
Koḷvar Payanteri Vār. (Kural: 104)

Kerelaan untuk menghulurkan bantuan pada masa yang diperlukan, sama ada pertolongan yang kecil atau besar, tetapi bagi yang memerlukannya, pertolongan tersebut akan merupakan bantuan yang sangat besar. Dengan kata-kata berharga Thiruvalluvar ini saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua yang menghulurkan bantuan kepada saya bagi menyempurnakan kajian ini dengan baik. Saya sangat bersyukur kepada tuhan yang memberi kekuatan dari segi mental dan fizikal bagi saya mengharungi segala cabaran dalam tempoh dua tahun proses penyelidikan ini. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk melanjutkan pengajian tinggi pada peringkat sarjana dan memberi kesempatan untuk menimba ilmu di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Saya juga ingin memberi penghargaan kepada penyelia saya, Prof.Madya.Dr.Manonmani Devi A/P M.A.R Annamalai yang telah membimbing saya, dengan penuh bermotivasi dan memberi tunjuk ajar dengan menggunakan pelbagai kaedah sepanjang tempoh penyediaan kajian ini. Beliau telah banyak membantu saya dari segi perkongsian ilmu dan sokongan moral tanpa mengira masa dan tenaga. Beliau sentiasa disisi saya sehingga saya berjaya menghasilkan kajian ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada barisan pensyarah dan staf-staf di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang banyak membantu saya dalam urusan penyediaan kajian ini. Sokongan keluarga menjadi tulang belakang saya bagi melalui segala cabaran dengan penuh tabah. Suami saya yang bernama N.Puspa Nathan yang sudi berkongsi ilmu penyelidikan dan banyak membantu saya dari segi dorongan dan sokongan moral. Kajian sarjana beliau juga menjadi bahan rujukan saya. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu En.K.Subramoniam dan Puan L.Letchumi yang sentiasa memberi sokongan serta doa untuk saya teruskan perjalanan pendidikan saya ke peringkat menara gading. Terima kasih saya rakamkan kepada ahli keluarga saya yang sentiasa bersedia menghulurkan bantuan kepada saya terutamanya adik-beradik saya dan anak-anak saya. Tidak lupa juga rakan-rakan yang berkongsi ilmu dengan saya terutamanya Cik.J.Malarvili yang sangat ikhlas membantu saya dan memberi banyak tunjuk ajar tentang ilmu kajian. Saya berharap kajian ini akan memberi sumbangan kepada pengkaji yang merujuk kajian ini.





ABSTRAK

Kajian ini mengandungi tiga objektif. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu. Objektif kedua, menganalisis hubungkait ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu dengan emosi tetap pembaca berdasarkan Teori *Rasa*-Fenomenologi dan objektif ketiga adalah menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui ekspresi rasa. Kajian ini bersifat kualitatif yang mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks untuk menganalisis lima buah novel Re. Karthigesu, iaitu Suthattam Aadum Kaalam, Kaathalinaal Alla, Antima Kalam, Thediyirukum Tharunangal dan Vaanathu Veligal. Lapan jenis ekspresi rasa dianalisis dalam novel-novel Re. Karthigesu. Antaranya, rasa berahi (kasih), lucu (riang), duka (sedih), berang (marah), wira (bertenaga), dahsyat (takut), benci (jijik) dan kagum (hairan). Setiap ekspresi rasa mempunyai korelatif objektif yang tertentu. Korelatif objektif yang berkesan dapat merangsang emosi tetap pembaca. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa kelima-lima novel oleh Re. Karthigesu turut memaparkan ekspresi rasa dalam pelbagai situasi berdasarkan Teori *Rasa*-Fenomenologi. Implikasinya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan Teori *Rasa*-Fenomenologi menjadi pemangkin dalam kajian menganalisis ekspresi rasa untuk menerokai emosi tetap pembaca kerana tiada kajian yang menggunakan Teori *Rasa*-Fenomenologi dalam kajian novel





THE EXPRESSION OF SENSE IN RE. KARTHIGESU'S NOVELS BASED ON THEORY OF SENSE-PHENOMENOLOGY

ABSTRACT

This study has three objectives. First is to identify the types of feeling expression in Re. Karthigesu's novels. The second objective is to analyse the relationship between feeling expression in Re. Karthigesu's novels and the reader's fixed emotions based on theory of sense-phenomenology and the third objective is to describe the elements of teaching delivered by the author through expressions of feel. This study is qualitative in nature that applies bibliographic and text analysis methods to analyse five novels by Re. Karthigesu, namely Suthattam Aadum Kaalam, Kaathalinaal Alla, Anthima Kaalam, Thediyirukum Tharunangal and Vaanathu Veligal. Eight types of feelings expressions are analyzed in Re. Karthigesu's novels. Among them are, sensual feeling (love), funny (cheerful), sad (unhappy), mad (angry), hero (energetic), terrible (fear), hate (disgust) and awe (surprise). The findings of the study show that every expression of feeling has its own objective correlative. An effective objective correlative can stimulate the reader's constant emotions. Based on the findings, it can be concluded that the five novels of Re. Karthigesu display the expression of feeling in various situations based on the theory of sense-phenomenology. The present study provides theoretical contribution due to its novelty as no known study has used the theory of sense-phenomenology in the study of novels.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI SINGKATAN	xx
TRANSLITERASI	xxi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Kerangka Konsep Kajian	18
1.7 Kepentingan Kajian	19
1.8 Batasan Kajian	23
1.9 Sumber Kajian	25
1.9.1 Sumber Premier	25

1.9.2	Sumber Sekunder	25
1.10	Definisi Operasional	26
1.10.1	Ekspresi rasa	26
1.10.2	Rasa-Fenomenologi	27
1.10.3	Novel	28
1.10.4	Rasa	29
1.11	Rumusan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	31
2.2	Sejarah Perkembangan Novel Tamil Malaysia	32
2.3	Senario Kemunculan Kesusasteraan Novel Tamil Malaysia	34
2.4	Perubahan -Perubahan yang Berlaku ke atas Sruktur Masyarakat Tamil Malaysia	35
2.4.1	Perkembangan Pendidikan	35
2.4.2	Reformasi Sosial	35
2.4.3	Pengaruh Bahasa Inggeris	37
2.5	Aktiviti-aktiviti Kesusasteraan oleh Akhbar-akhbar Tamil Malaysia	37
2.6	Tahap-Tahap Perkembangan Kesusasteraan Novel Tamil Malaysia	39
2.6.1	Sebelum Tanah Melayu Mencapai Kemerdekaan (1910-1957)	40
2.6.2	Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (1958-2020)	40
2.6.3	Jangka masa antara tahun 1910-1919	41
2.6.4	Jangka masa antara tahun 1920-1929	42
2.6.5	Jangka masa antara tahun 1930-1939	42
2.6.6	Jangka masa antara tahun 1940-1949	43



2.6.7	Jangka masa antara tahun 1950-1957	44
2.7	Novel-novel Tamil Malaysia Selepas Kemerdekaan	44
2.7.1	Jangka masa antara 1958-1960	44
2.7.2	Jangka masa antara tahun 1961-1970	45
2.7.3	Jangka masa antara tahun 1971-1980	47
2.7.4	Jangka masa antara tahun 1981-1990	49
2.7.5	Jangka masa antara tahun 1991-2000	51
2.7.6	Jangka masa antara tahun 2001-2010	52
2.7.7	Jangka masa antara tahun 2011-2020	52
2.8	Novel-Novel Tamil Tempatan dan Peranan Akhbar	53
2.9	Teori Kajian	54
2.10	Teori Rasa	55
2.11	Fenomenologi	58
2.12	Teori Rasa- Fenomenologi	59
2.12.1	Rasa Duka	60
2.12.2	Rasa Benci	61
2.12.3	Rasa Berang	61
2.12.4	Rasa Wira	62
2.12.5	Rasa Kagum	62
2.12.6	Rasa Dahsyat	63
2.12.7	Rasa Berahi	63
2.12.8	Rasa Lucu	63
2.13	Kajian-Kajian Lepas	64
2.13.1	Kajian Tentang Ekspresi Rasa	64
2.13.2	Kajian Tentang Ekspresi Emosi	68



2.13.3	Kajian Tentang Novel-Novel Re. Karthigesu	70
2.13.4	Kajian Tentang Teori Rasa-Fenomenologi	74
2.14	Rumusan	77
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	78
3.2	Reka Bentuk Kajian	79
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	81
3.3.1	Kaedah Analisis Teks	82
3.3.2	Kaedah Kajian Kepustakaan	85
3.3.3	Kaedah Temu Bual	86
3.4	Instrumen Kajian	88
3.4.1	Instrumen Pengekoda	88
3.4.2	Instrumen Analisis Teks	94
3.4.3	Instrumen Temu Bual	97
3.5	Teori Kajian	100
3.6	Kerangka Teori	103
3.7	Rumusan	105
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	107
4.2	Mengenal pasti jenis-jenis ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu	108
4.2.1	Rasa Berang	108
4.2.1.1	Novel Vaanathu Veligal	109
4.2.1.2	Novel Thediyirukum Tharunangal	110
4.2.1.3	Novel Anthima Kaalam	111
4.2.1.4	Novel Suthattam Aadum Kaalam	111

4.2.2	Rasa Benci	112
4.2.2.1	Novel Vaanathu Veligal	113
4.2.2.2	Novel Thediyirukum Tharunangal	114
4.2.2.3	Novel Anthima Kaalam	115
4.2.2.4	Novel Kaathalinal Alla	116
4.2.2.5	Novel Suthattam Aadum Kaalam	117
4.2.3	Rasa Duka	118
4.2.3.1	Novel Vaanathu Veligal	119
4.2.3.2	Novel Thediyirukum Tharunangal	120
4.2.3.3	Novel Anthima Kaalam	121
4.2.3.4	Novel Kaathalinal Alla	122
4.2.3.5	Novel Suthattam Aadum Kaalam	123
4.2.4	Rasa Dahsyat	124
4.2.4.1	Novel Vaanathu Veligal	125
4.2.4.2	Novel Thediyirukum Tharunangal	126
4.2.4.3	Novel Anthima Kaalam	128
4.2.4.4	Novel Kaathalinal Alla	129
4.2.4.5	Novel Suthattam Aadum Kaalam	131
4.2.5	Rasa Kagum	132
4.2.5.1	Novel Vaanathu Veligal	133
4.2.5.2	Novel Thediyirukum Tharunangal	135
4.2.5.3	Novel Anthima Kaalam	141
4.2.5.4	Novel Kaathalinal Alla	142
4.2.5.5	Novel Suthattam Aadum Kaalam	145

4.2.6	Rasa Wira	148
4.2.6.1	Novel Vaanathu Veligal	149
4.2.6.2	Novel Thediyirukum Tharunangal	150
4.2.6.3	Novel Anthima Kaalam	152
4.2.6.4	Novel Kaathalinal Alla	153
4.2.6.5	Novel Suthattam Aadum Kaalam	154
4.2.7	Rasa Berahi	157
4.2.7.1	Novel Vaanathu Veligal	158
4.2.7.2	Novel Thediyirukum Tharunangal	162
4.2.7.3	Novel Anthima Kaalam	167
4.2.7.4	Novel Kaathalinal Alla	170
4.2.7.5	Novel Suthattam Aadum Kaalam	176
4.2.8	Rasa Lucu	178
4.2.8.1	Novel Vaanathu Veligal	178
4.2.8.2	Novel Thediyirukum Tharunangal	180
4.2.8.3	Novel Anthima Kaalam	181
4.2.8.4	Novel Kaathalinal Alla	182
4.2.8.5	Novel Suthattam Aadum Kaalam	184
4.3	Menganalisis hubungkait ekspresi rasa dalam novel novel Re. Karthigesu dengan emosi tetap pembaca berdasarkan teori rasa- fenomenologi.	185
4.3.1	Rasa Benci	185
4.3.1.1	Novel Vaanathu Veligal	186
4.3.1.2	Novel Vaanathu Veligal	187
4.3.1.3	Novel Thediyirukum Tharunangal	188



4.3.1.4	Novel Thediyirukum Tharunangal	190
4.3.1.5	Novel Thediyirukum Tharunangal	191
4.3.1.6	Novel Anthima Kaalam	193
4.3.1.7	Novel Anthima Kaalam	194
4.3.1.8	Novel Kaathalinal Alla	195
4.3.1.9	Novel Kaathalinal Alla	196
4.3.1.10	Novel Suthattam Aadum Kaalam	198
4.3.1.11	Novel Suthattam Aadum Kaalam	199
4.3.1.12	Kesimpulan Rasa Benci	200
4.3.2	Rasa Berang	200
4.3.2.1	Novel Vaanathu Veligal	202
4.3.2.2	Novel Vaanathu Veligal	203
4.3.2.3	Novel Vaanathu Veligal	205
4.3.2.4	Novel Thediyirukum Tharunangal	206
4.3.2.5	Novel Thediyirukum Tharunangal	207
4.3.2.6	Novel Anthima Kaalam	209
4.3.2.7	Novel Anthima Kaalam	210
4.3.2.8	Novel Suthattam Aadum Kaalam	211
4.3.2.9	Kesimpulan Rasa Berang	213
4.3.3	Rasa Dahsyat	213
4.3.3.1	Novel Vaanathu Veligal	214
4.3.3.2	Novel Thediyirukum Tharunangal	216
4.3.3.3	Novel Anthima Kaalam	217
4.3.3.4	Novel Kaathalinal Alla	218





4.3.3.5	Novel Suthattam Aadum Kaalam	220
4.3.3.6	Kesimpulan Rasa Dahsyat	221
4.3.4	Rasa Duka	221
4.3.4.1	Novel Vaanathu Veligal	222
4.3.4.2	Novel Vaanathu Veligal	224
4.3.4.3	Novel Thediyirukum Tharunangal	225
4.3.4.4	Novel Thediyirukum Tharunangal	226
4.3.4.5	Novel Anthima Kaalam	228
4.3.4.6	Novel Anthima Kaalam	229
4.3.4.7	Novel Suthattam Aadum Kaalam	230
4.3.4.8	Novel Suthattam Aadum Kaalam	231
4.3.4.9	Novel Kaathalinaal Alla	232
4.3.4.10	Novel Kaathalinaal Alla	233
4.3.4.11	Kesimpulan Rasa Duka	234
4.3.5	Rasa Wira	235
4.3.5.1	Novel Vaanathu Veligal	236
4.3.5.2	Novel Thediyirukum Tharunangal	237
4.3.5.3	Novel Anthima Kaalam	239
4.3.5.4	Novel Kaathalinaal Alla	240
4.3.5.5	Novel Suthattam Aadum Kaalam	241
4.3.5.6	Kesimpulan Rasa Wira	242
4.3.6	Rasa Berahi	243
4.3.6.1	Novel Vaanathu Veligal	244
4.3.6.2	Novel Thediyirukum Tharunangal	245



4.3.6.3	Novel Anthima Kaalam	246
4.3.6.4	Novel Kaathalinal Alla	248
4.3.6.5	Novel Suthattam Aadum Kaalam	249
4.3.6.6	Kesimpulan Rasa Berahi	250
4.3.7	Rasa Lucu	251
4.3.7.1	Novel Anthima Kaalam	252
4.3.7.2	Kesimpulan Rasa Lucu	253
4.3.8	Rasa Kagum	254
4.3.8.1	Novel Suthattam Aadum Kaalam	255
4.3.8.2	Kesimpulan Rasa Kagum	257
4.4	Menghuraikan Unsur-unsur Pengajaran yang disampaikan oleh Pengarang melalui Ekspresi Rasa.	257
4.4.1	Harus bersungguh-sungguh mencapai matlamat hidup	258
4.4.2	Harus menghormati ibu bapa	261
4.4.3	Harus mementingkan pendidikan anak-anak	263
4.4.4	Harus menghormati kaum Wanita	266
4.4.5	Harus mengawal perasaan marah	268
4.4.6	Harus tabah menghadapi cabaran	271
4.4.7	Harus meminta maaf sekiranya melakukan kesalahan	274
4.4.8	Tidak harus berbohong dalam hubungan suami isteri	277
4.4.9	Mengelakkan sikap mementingkan diri sendiri	280
4.4.10	Tidak harus menghina orang lain	282
4.4.11	Harus memahami dan menghormati perasaan anak	284

4.4.12	Tidak terlibat dalam perbuatan curang	286
4.4.13	Jauhi perbuatan fitnah-memfitnah	289
4.4.14	Harus bersikap berani untuk mempertahankan kebenaran	292
4.4.15	Mengelakkan pihak lain bercampur tangan dalam hal kekeluargaan	294
4.4.16	Menyayangi keluarga selalu	295
4.4.17	Jangan terlalu membangga diri	297
4.4.18	Jangan bersikap rendah diri	299
4.4.19	Menjauhi diri daripada tabiat dadah	302
4.4.20	Jangan buli	304
4.5	Rumusan	310

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	311
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	312
5.3	Cadangan dan Kajian Lanjutan	322
5.4	Rumusan	324

RUJUKAN		326
----------------	--	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai novel terpilih Re. Karthigesu	23
3.1	Senarai semak ekspresi rasa yang terdapat dalam novel-novel Re. Karthigesu	91
3.2	Hubungkait ekspresi rasa dengan emosi tetap pembaca berdasarkan teori <i>rasa</i> - fenomenologi	96
3.3	Soalan -soalan temu bual	97
3.4	Pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui ekspresi rasa	99
3.5	Senarai pengajaran positif	99
3.6	Senarai pengajaran negatif	99
4.1	Analisis Penemuan Rasa Berang Dalam Novel-Novel Re. Karthigesu	109
4.2	Analisis Penemuan Rasa Benci Dalam Novel-Novel Re. Karthigesu	112
4.3	Analisis Penemuan Rasa Duka Dalam Novel-Novel Re. Karthigesu	118
4.4	Analisis Penemuan Rasa Dahsyat Dalam Novel-Novel Re. Karthigesu	125
4.5	Analisis Penemuan Rasa Kagum Dalam Novel-Novel Re. Karthigesu	132
4.6	Analisis Penemuan Rasa Wira Dalam Novel-Novel Re. Karthigesu	148
4.7	Analisis Penemuan Rasa Berahi Dalam Novel-Novel Re. Karthigesu	158
4.8	Analisis Penemuan Rasa lucu Dalam Novel-Novel Re. Karthigesu	178

4.9	Analisis Penemuan Rasa Benci Dalam Novel-Novel Re.Karthigesu	186
4.10	Analisis Penemuan Rasa Berang Dalam Novel-Novel Re.Karthigesu	201
4.11	Analisis Penemuan Rasa Dahsyat Dalam Novel-Novel Re.Karthigesu	214
4.12	Analisis Penemuan Rasa Duka Dalam Novel-Novel Re.Karthigesu	222
4.13	Analisis Penemuan Rasa Wira Dalam Novel-Novel Re.Karthigesu	236
4.14	Analisis Penemuan Rasa Berahi Dalam Novel-Novel Re.Karthigesu	244
4.15	Analisis Penemuan Rasa Lucu Dalam Novel-Novel Re.Karthigesu	252
4.16	Analisis Penemuan Rasa Kagum Dalam Novel-Novel Re.Karthigesu	255
4.17	Senarai Pengajaran yang Diterapkan Dalam Novel-novel Re. Karthigesu	307
4.18	Senarai Pengajaran Positif	308
4.19	Senarai Pengajaran Negatif	309



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Menggambarkan kerangka konsep kajian	18
1.2	Lapan ekspresi rasa	24
3.1	Proses analisis teks	83
3.2	Teori <i>rasa</i> -fenomenologi	102
3.3	Kerangka Teori	103



SENARAI SINGKATAN

ACRK	Antologi Cerpen R. Karthigesu
HLP	Hadiah Latihan Persekutuan
K&MN	Kesihatan dan Morbiditi Nasional
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
TRF	Teori <i>Rasa</i> -Fenomenologi
USM	Universiti Sains Malaysia



TRANSLITERASI

Penggunaan transliterasi kata nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan Sistem Transliterasi “Tamil Culture” yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut ialah dasar-dasar transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil yang digunakan.

உயிரெழுத்துகள் / Huruf-huruf Vokal

அ	-	a	எ	-	e
ஆ	-	ā	ஏ	-	ē
இ	-	i	ஐ	-	ai
ஈ	-	ī	ஒ	-	o
உ	-	u	ஔ	-	ō
ஊ	-	ū	ஔ	-	au

மெய்யெழுத்துக்கள் / Huruf-huruf Konsonan

வல்லினம் Vallinam (Konsonan keras)	மெல்லினம் Mellinam (Konsonan lembut)	இடையினம் Idaiyinam (Konsonan sederhana)
க - k	ங - ṅ	ய - y
ச - c	ஞ - ṇ	ர - r
ட - ḍ	ண் - ṇ	ல் - ḷ
த - t	ந - n	வ - v
ப - p/b	ம் - m	ழ - ḷ
ற் - ṛ	ன் - ṇ	ள் - ḷ

சமஸ்கிருத எழுத்துக்கள் SANSKRIT LETTERS

ஜ்	-	j	ஸ்	-	s
ஷ்	-	ṣ	ஹ்	-	h



BAB 1

Pengenalan

Bahan-bahan seperti novel, cerpen, puisi, drama, sajak dan sebagainya tergolong dalam kesusasteraan. Pengarang membayangkan peralihan kehidupan masyarakat yang berlaku dalam aspek politik, sosial, ekonomi dan lain-lain lagi (Puspavalli & Karthegees, 2022). Menurut Lacapra.D (2017), kesusasteraan mencerminkan aspek-aspek perasaan, kreativiti, pemikiran yang memfokuskan kehidupan dari segi individu, keluarga dan masyarakat secara keseluruhan.

Novel adalah suatu input budaya yang memaparkan peranan yang sangat mustahak dalam membangkitkan daya fikiran masyarakat. Novel juga mencerminkan aspek rasa yang menjadi penting dalam membina watak dan perwatakan. Rasa adalah suatu aspek yang sangat mustahak dan sememangnya nyata dalam diri setiap insan yang



bergelar manusia. Menurut Che Baharudin & Hamzah (2022), insan sendiri yang akan membezakan perwatakan mereka dengan cara mengawal rasa dimana terdapat dalam diri mereka sama ada untuk menjadi insan yang positif mahupun yang sebaliknya. Rasa atau emosi mencirikan kepada suatu perasaan dan fikiran yang khusus sebagai penyebab seseorang tersebut bertindak (Nordiana & Azhar, 2017). Rasa juga merupakan gerakan terhadap rangsangan dari dalam dan luar diri individu. Contohnya, emosi gembira menyebabkan perubahan hati sehingga secara fisiologi terlihat tertawa, emosi sedih mendorong seseorang berperilaku menangis. Menurut Daniel Goleman (2007), emosi yang wujud dalam diri manusia berpunca daripada apa yang sedang dilalui oleh seseorang pada ketika itu.

Maka, pengkaji menumpukan teori *rasa*-fenomenologi untuk menganalisis hasil karya Re. Karthigesu. Teori *rasa*-fenomenologi (TRF) merupakan gabungan daripada dua buah teori iaitu teori dari barat dan timur. Seorang pensyarah di Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1998 telah mencantumkan kedua-dua teori tersebut dan mewujudkan sebuah teori baru iaitu teori *rasa*-fenomenologi. Menurut Puspavalli & Kartheges (2022), Buku *Rasa-Fenomenologi: Penerapan Terhadap Karya A. Samad Said* menerangkan kandungan teorinya secara jelas dan terperinci. Sejurus itu, pengkaji melaksanakan teori *rasa*-fenomenologi dalam karya kesusasteraan Tamil khususnya karya-karya Re. Karthigesu. Dengan ini, pengkaji menitikberatkan lima buah novel Tamil yang dihasilkan oleh pengarang Re. Karthigesu. Matlamatnya adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu. Pengkaji memilih lima buah novel yang diterbitkan antara tahun 1981 hingga 2005. Kelima-lima koleksi novel tersebut ialah *Vaanathu Veligal*, *Thediyirukum Tharunangal*, *Anthima Kaalam*, *Kaathalinal Alla* dan *Suuthatham Aadum Kaalam*.



Justeru bab ini akan membicarakan latar belakang kajian yang membantu dalam proses menentukan kewujudan perbezaan yang ditemui dalam kajian terhadap kesusasteraan Tamil di Malaysia. Susulannya, pernyataan masalah dan objektif kajian diterangkan secara mendalam. Selain itu, persoalan kajian, kerangka konsep, kepentingan kajian, batasan kajian, sumber dan definisi operasional turut menjadi kandungan bab tesis ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Kamus Dewan (2017), istilah 'sastera' bermaksud hasil seni yang diwujudkan dalam bentuk karya seperti karangan bebas atau puisi. Sastera juga dirujuk sebagai bahasa yang digunakan dalam apa-apa bentuk tulisan mahupun bentuk surat. Sastera berasal daripada Bahasa Sanskrit iaitu 'Castera'. Menurut Hashim Awang (1987), sastera merupakan ciptaan fiksiyen atau karya seni yang dihasilkan melalui penggunaan bahasa. Sastera adalah antara bidang-bidang yang merangkumi pelbagai karya. Salah satunya ialah novel. Penulis novel mengarang karya berunsurkan kehidupan masyarakat dan bertemakan pelbagai aspek. Aspek kemerdekaan, agama, pendidikan, sosial, politik dan ekonomi adalah antara tema yang lazim digunakan oleh penulis untuk menghasilkan karya masing-masing.

Kesusasteraan novel merupakan satu seni sastera yang estetika dalam warisan tamadun manusia (Sababathy,V. 1996). Tambahan pula, novel dikatakan suatu wadah untuk mencerminkan gejala yang mengancam masyarakat seperti masalah sosial, ekonomi, agama dan politik (Maniam,K. 1997). Kesusasteraan memperincikan unsur-

unsur perasaan, kreativiti, pemikiran yang memfokuskan kehidupan dari segi individu, keluarga dan masyarakat (Lacapra, D. 2017).

Kesusasteraan Tamil di Malaysia hanya muncul dan berkembang pada penghujung abad ke-19. Sebelum itu, puisi yang muncul lebih awal lagi menjadi genre sastra yang pertama dalam kesusasteraan Tamil di Malaysia. Puisi merupakan satu bentuk daripada pengucapan kesusasteraan Tamil yang telah wujud sejak abad ke-2. Apabila novel Tamil semakin mendapat perhatian dan populariti daripada pembaca sastra, maka novel muncul dan menduduki tangga teratas dalam kesusasteraan Tamil. Pada masa kini, novel mempunyai peminat, pembaca dan pengkritik yang paling ramai berbanding genre sastra yang lain seperti puisi dan drama seperti yang dinyatakan oleh (Maniam, K. 1997) dalam artikelnya.

Novel pertama di India telah muncul dalam Bahasa Bengol. Novel berjudul '*Pirataba Mutaliyar Carittiram*' yang dikarang oleh Mayuran Vetanayagam Pillai pada 1876 merupakan novel pertama dalam kesusasteraan Tamil. Novel ini juga dianggap sebagai novel kedua di benua kecil India. Dengan ini, bermulalah satu era baru dalam bidang penulisan kesusasteraan novel Tamil (Dandayutham, R. 1983).

Di Malaysia, penulisan karya novel Tamil mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Menurut Baskaran (1995), fasa permulaan penulisan novel Tamil Malaysia bermula dalam tempoh tahun 1930-1941. Usaha tersebut berterusan semasa Pendudukan Jepun (1942-1945) dan kemudiannya dikenali sebagai Kelas Cerita (1946-1952) untuk memberi tunjuk ajar menulis novel dan cerpen kepada bakat-bakat muda. Pada masa ini, akhbar Tamil Murasu mengadakan ruangan khas bagi penyiaran karya

penulis muda. Perkembangan cerpen novel berlaku semasa Zaman Pra kemerdekaan (1953-1957) dan selepas kemerdekaan (1958-1969). Akhir sekali, usaha penulisan novel Tamil digiatkan secara luas bermula tahun (1970-1979). Rentetan daripada itu, Annathurai & Mohana Dass (2020) telah mengklasifikasikan tiga lagi tempoh masa mengikut trend yang menunjukkan perubahan dan perkembangan dalam kesusasteraan Tamil di Malaysia iaitu Zaman Gerakan Persatuan (1980-1997), Zaman Orang Perseorangan (1998-2005) dan akhirnya Zaman Media Alternatif (2006-2016).

Masyarakat Tamil yang datang sebagai tenaga kerja upahan pada abad ke-19 merupakan penyumbang utama dalam perkembangan sastera Tamil di Malaysia. Pada masa inilah usaha sastera Tamil mula berkembang dengan pesat di Malaysia. Dalam kandungan sastera Tamil, novel memainkan aspek penting yang berasaskan Bahasa Tamil. Keadaan ini mula berubah setelah negara Malaysia mendapat kemerdekaan. Selepas merdeka, hubungan masyarakat Tamil di sini dengan yang berada di India semakin merosot atas faktor kewujudan petempatan kekal menjadi pilihan tunggal mereka. Maka, masyarakat Tamil mula menerima Malaysia sebagai kediaman tetap mereka dan mula menulis dengan menggunakan pengalaman hidup, perjuangan, budaya dan adat istiadat Malaya dan Malaysia sebagai latar belakang (Sababathy, 2015). Sepanjang tempoh tersebut, surat khabar terbitan tempatan menjadi satu-satunya platform untuk menerbitkan karya para penulis tempatan ini. Akhbar Tamil di Malaysia diterbitkan secara mingguan dan bulanan (Dhandayutham, 1983). Usaha tersebut telah menarik perhatian pembaca surat khabar di samping melahirkan ratusan penulis dalam kalangan pembaca yang berjaya menulis novel.



Dalam perkembangan sastra Tamil moden di Malaysia, usaha-usaha yang dilakukan oleh Re. Karthigesu amat menarik perhatian. Re. Karthigesu telah memulakan kariernya sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1975. Beliau berasal dari negeri Kedah dan mendapat ijazah pertama dalam bidang Pengajian India di Universiti Malaya pada tahun 1964. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang kewartawanan penyiaran di Universiti Colombia dan memperoleh Ijazah Master of Science in Journalism pada tahun 1977 (Puspa Nathan, 2014). Seterusnya, beliau memperolehi ijazah kedoktoran dalam komunikasi massa di Universiti Leicester pada tahun 1991.

Beliau menceburi dunia penulisan pada tahun 1952 dengan cerpen pertama yang diterbitkan dalam Majalah *Maanavar Manimandram*. Dengan permulaan tersebut, beliau menjadi seorang pengarang fiksi dan pengkritik sastra yang terkenal dalam kesusasteraan Tamil di Malaysia. Sehingga Mac 1995, beliau telah menerbitkan senaskah antologi cerpen, dua naskah novel, lebih daripada 50 naskah cerpen dan artikel dalam majalah-majalah terkemuka. Cerpennya pernah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta diterbitkan dalam antologi cerpen di Malaysia dan juga di India. Semasa berkhidmat di Radio Malaysia, beliau juga mengarang dan menerbitkan beberapa drama radio. Beliau pernah menerima beberapa anugerah sastra pingat emas Tamilavel Ko Carankapani bagi perkhidmatan cemerlang pada kesusasteraan Tamil di Malaysia dari Persatuan Penulis Tamil Malaysia pada tahun 1997 (Anushea Veni, 2015).

Dalam hasil karya Re. Karthigesu dapat dilihat unsur perasaan yang diluahkan oleh watak-watak menerusi situasi yang dihadapinya. Perasaan yang diperincikan oleh





pengarang dapat menarik perhatian pembaca menerusi teknik penulisan yang kreatif. Karya Re. Karthigesu bukan sahaja memfokuskan situasi ladang malah memberi penekanan terhadap pelbagai situasi. Perasaan yang diluahkan watak-watak dalam novel Re. Karthigesu dapat dirasainya oleh pembaca dengan lebih mendalam (Ponniamah M., 2016).

Menurut Kamus Dewan (2017), istilah perasaan merujuk kepada perihai berasa atau merasai sesuatu. Istilah tersebut juga didefinisikan sebagai keinginan yang meluap-luap dalam hati. Istilah perasaan juga merujuk kepada pertimbangan hati tentang sesuatu kejadian ataupun terhadap sesuatu persekitaran.

Menurut Coren, Ward & Enns (2001), persepsi individu tidak berdasarkan pada proses kognisi sahaja, malah melibatkan unsur perasaan juga. Dengan ini faktor perasaan juga perlu dititikberatkan dalam pertimbangan sesuatu masalah. Perasaan juga mewujudkan konflik dalam kehidupan seseorang manusia. Emosi manusia sebenarnya menjadi skala yang mempamerkan betapa seriusnya sesuatu hal yang difikirkan oleh seseorang individu.

Dalam pandangan ilmu psikologi, manusia ialah makhluk yang mempunyai emosi (Taylor, 2019). Emosi adalah antara keadaan jiwa yang mencerminkan sesuatu perubahan yang jelas pada tubuh. Selain daripada perasaan malu, emosi marah juga tidak biasa dikatakan sebagai sesuatu hal yang positif atau negatif berdasarkan kewajarannya. Emosi marah tergantung kepada memori atau momentum di mana kebanyakan orang mengatakan bahawa mereka marah tanpa memikirkan tempat dan kekerapannya (Greenberg & Watson, 2006).





Menurut pandangan psikologi, perasaan memberi gambaran secara ringkas mengenai hubungan yang terbina antara pengarang dengan pembaca. Hubungan ini dapat dilihat oleh penulis melalui proses penulisan dan dihayati oleh pembaca melalui proses penerimaan (Gullason, 1989). Pengarang menyampaikan sesuatu pendapat dengan perasaan atau idea yang lancar sehingga menimbulkan pengaruh yang memberi kesan kepada pembaca.

Perasaan adalah unsur penting dalam kehidupan manusia. Setiap manusia meluahkan perasaan yang berbeza seperti gembira, takut, sedih, geram, benci dan sebagainya mengikut situasi yang dialaminya. Apabila pembaca memahami perasaan yang ingin disampaikan oleh penulis secara tidak langsung, maka pembaca dapat memikirkan tingkah laku watak dan perwatakan yang terdapat dalam koleksi novel Re.



Novel merupakan sumbangan yang besar dalam kalangan masyarakat Tamil. Novel-novel yang dihasilkan dalam sastera Tamil dapat merangsang perasaan yang berbeza dalam diri pembaca dan seterusnya memberi pengajaran kepadanya. Berdasarkan iltizam tersebut, pengkaji hendak memfokuskan novel-novel Re.Karthigesu yang hendak memperlihatkan ekspresi rasa yang diluahkan oleh watak-wataknya. Dalam membicarakan mengenai novel, Joseph Selvam (1977) menyatakan bahawa “novel merupakan cermin sesebuah masyarakat. Ia juga merupakan kehidupan masyarakat Tamil Malaysia dengan menokoh unsur kehidupan dan mencerminkan kehidupan dan emosi masyarakat’ (ms.54).



Sehubungan itu, pengkaji berfokuskan pada perasaan-perasaan yang disampaikan melalui watak-watak dalam novel Re. Karthigesu. Setiap manusia mempunyai perasaan yang berbeza dalam kehidupan masing-masing. Maka, dengan menggunakan teori *rasa*- fenomenologi kajian ini dibuat untuk mengenal pasti dan menganalisis perasaan yang terserlah dalam novel-novel yang dikaryakan oleh Re. Karthigesu.

Menurut Anushea Veni (2015), Re. Karthigesu yang menyedari kekurangannya di dunia sastra Tamil telah mengambil langkah untuk mengubahnya. Beliau mengarang karya sastra yang berpotensi memaparkan nilai kemanusiaan melalui watak utama. Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan karya beliau secara tidak langsung menunjukkan interaksi dan rasa (emosi) masyarakat.

Namun, beberapa kajian daripada pelbagai aspek telah dijalankan oleh sarjana-sarjana seperti Ponniamah M.Muniandy (2016), Anushea Veni (2015), Puspa Nathan (2014) dan Manonmani Devi (2008) dengan memberi fokus kepada kebudayaan serta kehidupan masyarakat Tamil Malaysia menerusi kajian novel dan cerpen Re. Karthigesu. Dapatan kajian-kajian ini menunjukkan bahawa karya Re.Karthigesu memaparkan watak serta citra wanita masyarakat Tamil Malaysia. Di samping itu, karya-karya Re. Karthigesu giat memfokuskan aspek kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia. Oleh yang demikian, pengkaji ingin meneroka satu kajian dengan memberi fokus kepada ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu berdasarkan teori *rasa*-fenomenologi.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada dasarnya, kesusasteraan boleh menjadi wahana yang berkesan untuk memahami kebenaran yang sukar difahami. Menurut Picasso (1988), Seni adalah suatu kebohongan yang membantu kita menyedari dan memahami kebenaran. Begitu juga dengan Jessamyn West (1990) yang menyatakan bahawa *'Fiksyen mengungkapkan kebenaran yang kenyataannya kabur'*. Ini bermakna sastera diaduni dengan unsur-unsur kebenaran dan imaginasi dalam proses pengaryaannya.

Pakar psikologi dan para pengkritik sastera berpendapat bahawa kedua-dua bidang ini mempunyai tujuan dan matlamat yang sama. Kedua-dua bidang ini menggambarkan tingkah laku manusia dalam kehidupan nyata dan mental mengikut perubahan persekitaran konteks, dan keadaan (Grant, 1987).

Description of behaviour of a certain person (in good Literature) will evoke in the mind of the reader a full, rich, rounded, and very lifelike picture of a person -in- action as seen against the background of his life and times.

(Wood, 1955, p.32)

Berdasarkan kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa pengarang menghasilkan karya sastera bukan semata-mata untuk tujuan hiburan. Setiap pengalaman yang diterjemahkan oleh pengarang ke dalam bahasa dilihat berkaitan dengan pemahamannya dan dibatasi oleh rujukan peribadinya dengan manusia lain. Andaian ini telah dikukuhkan dengan pelbagai kajian psikolinguistik: kajian mengenai hubungan antara bahasa dan ciri-ciri tingkah laku seseorang penutur (dalam konteks ini pengarang).

'Use what language you will, you can never say anything but what you are'- Emerson (Bikerts, 2012); *'No matter what we see, it is ourselves that we report'*- Steinbeck (Marshall, 2011).

Memandangkan bidang psikologi dirujuk sebagai kajian terhadap minda dan tingkah laku, bidang itu turut merangkumi pengaruh biologi, tekanan sosial dan faktor persekitaran yang mempengaruhi cara seseorang itu berfikir, bertindak berasa dan sebagainya (Cherry, Jun 2020). Ini kerana, psikologi adalah cabang Sains yang cuba memahami, meramal dan mempengaruhi tingkah laku manusia secara khususnya dengan mengkaji tingkah laku secara saintifik dan menggunakan teori serta dapatan para pengkaji lain untuk menyelesaikan masalah secara praktikal (Mohamed, 2014).

Dalam istilah psikologi, emosi merupakan bahasa dalaman seseorang berkait rapat dengan tindak balas (fizikal) daripada sensitiviti perasaan dalaman dan luaran (Mohd Fadzli Abu Bakar, 2005). Melihat dari perspektif psikologi lagi, dinyatakan bahawa keinginan itu berlaku apabila ego manusia bertembung dengan persekitaran yang pelbagai ragam. Pada hakikatnya, pergolakan emosi ini disebabkan oleh perasaan yang tidak sempurna, tidak lengkap atau tidak memenuhi (*non-fulfillment*) yang terbentuk dalam fikiran seseorang (Dharitri Ramaprasad, 2013).

Dengan ini dapat merumuskan bahawa sastera mencerminkan atau membantu proses pemahaman terhadap pengalaman manusia yang benar dan pengalaman manusia ini terhasil daripada pergolakan emosi apabila ego manusia berdepan dengan pelbagai fenomena dalam persekitaran. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa pengarang turut berusaha untuk menyelitkan elemen bahasa yang menarik unsur imajinasinya dalam pengaryaan sastera.



Melihat aspek ini dalam konteks Malaysia, kajian Kementerian Kesihatan Malaysia dengan Kerjasama Kesihatan dan Morbiditi Nasional (K&MN) pada tahun 2017 mengenai krisis peningkatan kes bunuh diri dalam kalangan remaja memberi gambaran terhadap persekitaran sosial yang wujud di negara ini. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa perangkaan kes bunuh diri remaja meningkat sebanyak 2.1 peratus dalam tempoh masa lima tahun. Naluri perasaan dilihat sebagai antara punca yang mendorong remaja untuk membunuh diri (Code Blue, November 2019). Apabila mengaitkan fakta ini dalam kerangka pengaryaan sastera di Malaysia, tidak dapat dinafikan bahawa para sasterawan turut menjadi sebahagian dalam kalangan masyarakat di negara ini yang berkemungkinan terdorong atau mendapat ilham untuk mendedahkan pelbagai fenomena dalam persekitaran yang menyebabkan pergolakan perasaan ini secara langsung ataupun secara tidak langsung melalui penghasilan karya.



Sehubungan itu, kebanyakan masalah sosial, ekonomi, politik dan agama mencengkam golongan masyarakat dengan perasaan negatif. Manusia diselubungi dengan situasi yang tidak normal lalu tidak mengetahui cara yang sesuai untuk mencegah diri daripada perasaan negatif. Selain itu, manusia cepat berputus asa dan mengambil atau mencuba tindakan yang berbahaya semasa mengalami perasaan negatif seperti takut, sedih dan marah. Hasil kajian Nur Ashidah Yahya (2020), menyatakan bahawa kemurungan individu menyebabkan penyakit mental. Ini disebabkan perasaan sedih yang berterusan dalam kehidupan seseorang manusia. Akibat perasaan sedih (negatif) individu berkenaan mencedarakan diri sendiri. Manusia mengalami tekanan dalaman dan mengambil keputusan yang negatif. Mereka sukar untuk menjalani hubungan sosial dengan pihak lain.





Pada era moden ini, masyarakat menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan. Mereka mengalami masalah kehidupan lalu berlaku kelunturan perasaan menjejaskan ikatan persahabatan dalam kalangan masyarakat yang merangkumi pelbagai kaum. Manusia memahami sifat-sifat perasaan negatif untuk menyelamatkan diri sendiri dan orang lain. Dalam konteks ini, Sohaimi Abdul Aziz memperkenalkan teori *rasa* -fenomenologi. Beliau menekankan delapan -lapan rasa dalam teorinya. Teori ini dapat mengenali delapan-lapan rasa yang menentukan sikap, sifat dan persekitaran yang dialami oleh watak dalam novel Re. Karthigesu. Teori *rasa*-fenomenologi dapat memperincikan perasaan watak-watak menerusi isu dan masalah kehidupan dalam novel Re. Karthigesu.

Kehadiran Re. Karthigesu dalam bidang penulisan novel-novel Tamil Malaysia sangat dihargai. Beliau merupakan antara pengarang tempatan yang menulis fenomena kehidupan masyarakat setempat khasnya masyarakat Tamil di negara ini. Hasil tinjauan yang dilakukan oleh Ponniamah (2016), memperincikan bahawa karya-karya Re. Karthigesu memperlihatkan detik-detik seharian dalam kehidupan manusia dengan jelas dan teliti. Perasaan seperti luka, sakit, duka, kealpaan manusia turut digambarkan melalui pengalaman hidup dan pengamatannya terhadap masyarakat di sekeliling. Dalam novel Re. Karthigesu, watak-watak dan persekitaran memaparkan isu-isu sosial. Oleh itu, pengkaji memfokuskan cara penulisan Re. Karthigesu dan perasaan yang diluahkan oleh wataknya.

Sementara itu, kajian analisis kronologi sejarah kesusasteraan novel Tamil di Malaysia oleh Annathurai & Mohana Dass (2020), menyenaraikan kajian-kajian lepas berkaitan novel Tamil di Malaysia. Berasaskan dapatan kajian tersebut, dapat



dinyatakan bahawa hanya latar belakang sejarah, tematik, struktur, elemen, isu-isu kontemporari, watak dan perwatakan, tradisi dan etika warisan masyarakat Tamil dan bahasa menjadi aspek-aspek yang dilibatkan dalam kajian sehingga tahun 2020.

Berdasarkan pengalaman bahawa sastera diaduni unsur-unsur kebenaran dan imaginasi dalam proses pengaryaan, terdapat tiga faktor yang menyebabkan kajian ini dijalankan. Berasaskan penganalisaan Vijayalatchumy & Navin (2020), menunjukkan bahawa skop kajian tertentu menjadi keutamaan kajian melibatkan bidang kesusasteraan. Maka, terdapat kekaburan sama ada novel-novel Tamil di Malaysia terbitan mencerminkan ataupun tidak ciri-ciri perasaan manusia berserta fenomena yang wujud di persekitaran.

Selain itu, pengkaji menggunakan pendekatan yang sesuai untuk menganalisis dan mengekstrak ciri-ciri perasaan manusia berserta fenomena daripada hasil karya sastera. Seterusnya, pengkaji memiliki kekaburan sedikit atas sebesar mana tumpuan diberi oleh pengarang Re. Karthigesu terhadap ciri-ciri perasaan dan fenomena yang wujud di persekitaran dalam novel yang dihasilkannya.

Maka, pengkaji menganalisis dan menerangkan sebab dan akibat perasaan yang diluahkan oleh watak-watak dalam novel Re. Karthigesu. Dengan ini, novel-novel Re. Karthigesu memberi kesedaran kepada pembaca. Disamping itu, pembaca mengetahui cara untuk mengurus dan mengawal pelbagai perasaan dengan pihak lain dan diri sendiri.

Puspavalli & Karthegees (2022), yang menggariskan bahawa teori *rasa*-fenomenologi amat sesuai untuk menganalisis perasaan watak-watak. Pengarang memaparkan luahan perasaan watak melalui teknik penulisan yang kreatif. Menerusi teori *rasa*-fenomenologi, pembaca memiliki kemahiran seperti sensitif, imaginatif dan intelek. Menerusi watak, pembaca turut merasai kedukaan, empati dan mencapai pangalaman estetik yang ditonjolkan oleh pengarang. Menurut pengkaji, emosi tetap pengarang menjadi sehati dengan emosi tetap pembaca menerusi karya-karya yang dihasilkannya. Pendapat ini, menimbulkan minat penyelidik untuk mengkaji ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu berdasarkan teori *rasa*-fenomenologi.

Puspa Nathan (2014) dalam tesis sarjananya telah mengkaji tentang watak wanita dalam cerpen-cerpen Re. Karthigesu. Model-model kritikan feminis yang dikemukakan oleh Showalter digunakan dalam perbincangan watak wanita. Menurut pengkaji, Re. Karthigesu cenderung dalam memerihalkan kisah-kisah kedukaan wanita yang dianggap sebagai satu kaedah terapi bagi melepaskan tekanan emosi yang dialami oleh mereka dalam kehidupan seharian. Menurutnya, Re. Karthigesu memperjuangkan hak dan martabat golongan wanita serta memperkasakan wanita untuk menghadapi hidup bebas dan bahagia. Secara keseluruhan, kajian tesis sarjana ini hanya memaparkan kesedihan menerusi watak wanita dalam karya Re. Karthigesu. Selain rasa duka, apakah jenis-jenis ekspresi rasa yang dilalui oleh watak-watak yang ditonjolkan oleh Re. Karthigesu? Persoalan ini mendorong pengkaji untuk menetapkan objek pertama dan menganalisis jenis-jenis ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu.

Anushae Veni (2015) dalam kajian tesis sarjananya telah mengenal pasti watak utama, menganalisis nilai kemanusiaan dalam watak utama, menganalisis nilai



kemanusiaan dalam watak utama cerpen Re. Karthigesu serta meneliti peranan watak utama sebagai teladan kepada pembaca dan masyarakat. Secara keseluruhan, kajian ini dapat memberikan impak positif yang ditonjolkan melalui watak utama dalam cerpen Re. Karthigesu untuk dijadikan teladan kepada generasi muda masa kini. Kenyataan pengkaji ini menimbulkan persoalan -persoalan seperti adakah hasil penulisan Re. Karthigesu dapat menganalisis hubungkait ekspresi rasa dalam novelnya dengan emosi tetap pembaca berdasarkan teori *rasa*-fenomenologi? Kemusykilan ini membuka ruang kepada penetapan objektif kedua dan mendorong pengkaji membuat kajian.

1.4 Objektif Kajian



Kajian ini bertajuk Analisis ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu berdasarkan teori *rasa* -fenomenologi. Kajian ini akan meninjau sebanyak lima buah novel hasil nukilan Re. Karthigesu. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti jenis-jenis ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu.
2. Menganalisis hubungkait ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu dengan emosi tetap pembaca berdasarkan teori *rasa*-fenomenologi.
3. Menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui ekspresi rasa.





1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut:


1. Apakah jenis-jenis ekspresi rasa yang terdapat dalam novel-novel Re. Karthigesu?
2. Bagaimanakah hubungkait ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu dengan emosi tetap pembaca berdasarkan teori *rasa*-fenomenologi ?
3. Apakah unsur-unsur pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui ekspresi rasa?



1.6 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1.1

Menggambarkan kerangka konsep kajian





1.7 Kepentingan Kajian

Kesusasteraan mencungkil bakat para karyawan melalui penghasilan karya pelbagai genre seperti novel, cerpen, puisi, drama dan sebagainya. Pengarang hendak menyampaikan buah fikirannya kepada pembaca melalui karya yang dihasilkan.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong pengkaji mengendalikan kajian ini. Pertama sekali, kajian ini diharap dapat mengenal pasti dan memenuhi lompong penyelidikan yang wujud dalam bidang kajian ini. Lompong penyelidikan yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah kajian berasaskan Teori *Rasa*-Fenomenologi yang terdapat dalam hasil karya novel Re. Karthigesu. Pengkaji memilih Re. Karthigesu kerana novel-novel beliau amat berkaitan dengan kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia. Selain itu, pengkaji mendapati novel-novel beliau banyak mengandungi ekspresi rasa yang amat berkaitan dengan teori *rasa*-fenomenologi.

Kedua, kajian ini mendepankan satu teori estetik iaitu Teori *Rasa*-Fenomenologi yang dipelopori oleh Sohaimi Abdul Aziz pada tahun 1998. Teori ini terhasil daripada kombinasi dan penyesuaian dua teori estetik Timur-Barat iaitu Teori *Rasa* dan Teori Fenomenologi. Dalam teori estetik timur iaitu teori *rasa*-dhvani unsur metafizik merupakan aspek penting khususnya bagi menerapkannya dalam karya-karya yang berunsur kerohanian. Unsur metafizik pula berkait rapat dengan falsafah Saiva yang merupakan dasar teori *rasa*-dhvani. Manakala, teori barat iaitu teori fenomenologi pula memfokuskan perhatiannya terhadap pengalaman sedar seorang individu.



Gabungan kedua-dua teori ini yang dikenali sebagai Teori *Rasa*-Fenomenologi yang amat popular dalam kajian bidang kesusasteraan Melayu. Aspek ini mendorong pengkaji untuk menerapkan teori tersebut ke dalam kajian terhadap kesusasteraan Tamil di Malaysia. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi pemahaman yang jelas lagi terperinci mengenai penggunaan teori dalam pengajian bidang kesusasteraan Tamil. Sekaligus, akan mendorong pengkaji-pengkaji baharu untuk menerokai teori ini dalam bidang kajian kesusasteraan Tamil dari pelbagai perspektif dan dimensi.

Seterusnya, penilaian terhadap perubahan sosial segolongan masyarakat turut menitikberatkan pemerhatian terhadap tindakan seseorang individu, kumpulan, organisasi, komuniti dan unit-unit lain dalam ruang sosial tersebut. Selain aspek keperibadian ini, faktor fenomena dalam persekitaran turut bertindak mempengaruhi keadaan sosial (Finsterbusch, 2012). Pada masa yang sama, kedua-dua faktor ini saling berkait rapat dan bergantung antara satu sama lain dalam penilaian terhadap perubahan sosial masyarakat.

Misalnya, kajian Hong (2021) mengenai kesan perubahan sosial dan keluarga terhadap kesihatan mental menyatakan bahawa pemodenan yang merupakan suatu aspek dalam perubahan sosial boleh menyebabkan pemecahan orientasi nilai tradisional, pemecahan sistem keluarga dan peningkatan mendadak dalam jumlah perceraian dan peningkatan masalah membesarkan anak. Tambahan pula, Taylor (2019) dalam buku '*The Pandemic of Psychology*', menerangkan bahawa pandemik penyakit sebagai suatu fenomena baru dalam suasana masyarakat yang sedia ada dan juga bersifat mempengaruhi psikologi seseorang individu lalu meneliti emosi manusia dan sosial.



Sebaliknya, Jain (2018) dalam kajiannya berkaitan kesan tingkah laku manusia terhadap perubahan soaial dalam konteks media sosial menyatakan bahawa penglibatan individu dalam media sosial bukan sahaja mengubah daya pemikiran manusia, malah turut Menyusun atur tingkah laku sosialnya. Maka, kepentingan keempat kajian ini adalah untuk membantu pengkaji memahami dan mendalami perasaan dan fenomena dalam persekitaran yang wujud dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia dengan lebih mendalam dari pelbagai dimensi.

Kelima, kajian terhadap novel-novel Re. Karthigesu dapat membantu pengkaji melihat keberkesanan berkaitan emosi manusia dengan fenomena dalam persekitaran sebagai usaha memperlihatkan konteks pengayaan tersebut secara lebih mendalam. Melalui usaha ini, pengkaji turut dapat mengenal pasti pelbagai ekspresi rasa dan fenomena dalam persekitaran yang diterapkan oleh pengarang melalui karya-karya yang dihasilkan.

Hasil kajian ini juga sudah tentu mendedahkan ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu, terutamanya kepada generasi muda untuk mengetahui lebih mendalam mengenai unsur-unsur pengajaran yang disampaikan. Selain itu, kajian ini juga akan menjadi panduan dan sumber rujukan kepada pengkaji lain memahami dan mengetahui ekspresi rasa dalam karya-karya penulis Tamil Malaysia.

Selain itu, hasil kajian ini akan dapat memberikan input yang berguna kepada golongan penulis kreatif, terutamanya dalam menghasilkan karya yang bertepatan dengan peranan kesusasteraan dan bersesuaian dengan emosi tetap pembaca berdasarkan teori *rasa*-fenomenologi.





Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan tentang analisis ekspresi rasa dengan emosi tetap pembaca oleh sesiapa yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan bidang penulisan. Selain itu, kajian ini juga dapat menyebarkan maklumat dan memupuk unsur-unsur pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui ekspresi rasa.

Kajian ini juga penting untuk menjadi panduan kepada pengkaji kemudian yang akan juga mengkaji aspek yang berkaitan dengan aspek rasa dalam karya -karya penulis Tamil dan aspek yang sama dalam genre yang lain. Kajian ini juga penting untuk menjawab kekeliruan berkaitan aspek rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu. Kajian ini juga boleh menyumbang kepada khazanah ilmu dalam kesusasteraan Tamil khususnya yang berkaitan dengan kajian tentang novel-novel Re. Karthigesu.



Akhir sekali, kajian ini sedikit sebanyak memfokuskan betapa pentingnya aspek perasaan dalam kehidupan manusia. Perasaan inilah yang mengubah cara hidup seseorang manusia. Melalui perasaan, manusia mampu memahami seseorang secara mendalam dan mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain. Pengarang yang kreatif mampu menerapkan segala aspek perasaan yang terdapat dalam manusia ke dalam karyanya. Maka, kajian terhadap ekspresi rasa ini turut menjadi suatu panduan kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang perasaan manusia. Ia akan membantu para pengkaji lain untuk melanjutkan penyelidikan pada masa depan.





1.8 Batasan Kajian

Kajian tentang analisis ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu berdasarkan teori *rasa*-fenomenologi mempunyai beberapa batasan. Kajian ini terbatas kepada novel-novel sahaja dan bukan meninjau keseluruhan hasil karya penulis Re. Karthigesu.

Selain itu, keseluruhan penyelidikan hanya akan menumpukan sebanyak lima buah novel untuk mengkaji lebih mendalam mengenai teori *rasa*-fenomenologi yang terkandungnya. Senarai novel Re.Karthigesu yang digunakan dalam penyelidikan ini terpapar di Jadual 1.1

Jadual 1.1

Senarai Novel Terpilih Re. Karthigesu

Bil.	Judul Novel	Tahun Terbitan
1	Suthattam Aadum Kaalam	2005
2	Anthima Kaalam	1998
3	Kathalinaal Alla	1999
4	Thediyirukum Tharunangal	1993
5	Vaanathu Veligal	1981

Sebanyak lima buah novel tersebut dipilih sebagai bahan kajian ini atas alasan setiap novel Re. Karthigesu telah melambangkan identiti Masyarakat Tamil Malaysia dengan terperinci. Pertama, kesemua novel ini digerakkan dalam ekspresi rasa yang ditonjolkan oleh watak wanita dan lelaki. Kesemua watak berbeza latar sosioekonomi serta latar masa dan masyarakat yang menampilkan pelbagai perasaan dalam




menempuh kehidupan yang penuh rintangan dan halangan dalam kehidupan masing-masing. Lantaran itu, agak menarik jika teori *rasa*-fenomenologi dikupas berdasarkan ekspresi rasa dalam watak-watak tersebut. Selain itu, novel ialah genre yang paling sesuai untuk meneliti teori *rasa*-fenomenologi kerana perwatakan, terutama pelbagai perasaan dan gerak-geri manusia hanya dilakarkan secara terperinci dan mendalam dalam novel-novel sahaja.

Sementara itu, penyelidik telah memfokuskan teori *rasa*-fenomenologi (TRF) yang diasaskan oleh Sohaimi Abdul Aziz dan mengaplikasikan dalam novel-novel Re.Karthigesu. Teori *rasa*-fenomenologi merangkumi lapan ekspresi rasa iaitu rasa berahi, rasa lucu, rasa duka, rasa berang, rasa wira, rasa dahsyat, rasa benci dan rasa kagum. Kelapan-lapan rasa adalah seperti rajah berikut:

Rajah 1.2

Lapan Ekspresi Rasa



1.9 Sumber Kajian

Data merupakan maklumat yang sangat penting dalam sesebuah kajian. Pengkaji amat memerlukan data ini untuk menganalisis, menghuraikan dan membuat sintesis tentang fenomena yang dikaji. Dalam kajian yang berjudul ekspresi rasa dalam novel Re. Karthigesu berdasarkan Teori *Rasa*-fenomenologi ini, dua sumber data akan digunakan, iaitu sumber premier dan sumber sekunder.

1.9.1 Sumber Premier

Dalam konteks kajian ini, lima buah novel Re. Karthigesu ialah sumber premier. Kajian ini juga adalah kajian kepustakaan yang menggunakan kajian analisis teks. Maka, lima buah novel yang dipilih sebagai bahan kajian iaitu novel *Suthatham Aadum Kaalam*, *Kathalinaal Alla*, *Anthima Kaalam*, *Theyirukum Tharunangal* dan *Vaanathu Veligal*. Selain itu, buku Penerapan *Rasa*-Fenomenologi digunakan untuk menjelaskan teori kajian dengan lebih berkesan.

1.9.2 Sumber Sekunder

Sumber kedua ialah sumber sekunder yang bertindak sebagai landasan untuk melaksanakan kajian ini. Sumber sekunder yang diaplikasikan dalam tesis ini adalah judul-judul yang berhubungkait dengan novel dan teori. Di samping itu, penulisan

ilmiah, artikel, jurnal dan artikel kritikan serta buku-buku sejarah perkembangan sastera Tamil Malaysia juga turut digunakan untuk melengkapkan kajian ini.

1.10 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat konsep yang perlu difahami secara lebih mendalam bagi memudahkan proses penyelidikan. Oleh itu, pengkaji telah mengariskan beberapa istilah serta definisi konsep untuk memudahkan pembaca untuk memahami setiap istilah tersebut. Konsep-konsep yang akan dijelaskan ialah konsep *rasa*-fenomenologi, novel, rasa, rasa lucu, rasa berahi, rasa duka, rasa berang, rasa wira, rasa dahsyat, rasa kagum dan rasa benci.

1.10.1 Ekspresi rasa

Ekspresi rasa merujuk kepada luahan perasaan untuk menunjukkan isi hati berdasarkan sesuatu situasi. Ekspresi rasa membantu untuk meluahkan perasaan seseorang dan untuk memahami perasaan orang lain. Ekspresi rasa adalah satu proses yang digunakan untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Pelbagai ekspresi rasa ditonjolkan untuk menerangkan kehendak seseorang.



1.10.2 *Rasa-Fenomenologi*

Teori *rasa*-fenomenologi merangkumi satu unsur penting iaitu teori *rasa-dhvani*. Teori ini merujuk kepada dua konsep iaitu konsep emosi pelengkap dan konsep emosi tetap. Teori *rasa*-fenomenologi berdasarkan kepada penelitian dan pemahaman pembaca terhadap sesebuah karya. Teori *rasa*-fenomenologi (TRF) memberi tumpuan terhadap psikologi pembaca dalam aspek emosi tetap. Dalam teori *rasa-dhvani*, unsur emosi terdapat pada pembaca, karya dan pengarang. Sesebuah karya yang dihayati oleh pembaca akan melahirkan genre *rasa* dalam kehidupannya. Konsep emosi tetap ini diterima dalam teori *rasa*-fenomenologi. Teori ini ialah hasil gabungan dua teori dari Barat dan Timur. Teori *rasa* pula ialah teori estetik yang mula dibincangkan pada jangka masa kelapan belas di benua Eropah, manakala teori *rasa* pula dibincangkan ketika abad keenam Masihi. Teori *rasa*-fenomenologi merupakan teori estetik yang dihasilkan daripada kombinasi dan perihai bersesuaian dua teori estetik dari Barat dan Timur. Teori estetik ini bersifat holistik dan mempunyai unsur universal. Karya yang dikaji mampu memberi penjelasan dan penghuraian terhadap fenomena pengalaman estetik yang sesuai. Kajian yang dilakukan oleh Sohaimi Abdul Aziz pada tahun 1998, terhadap hasil karya A.Samad Said telah menghasilkan lapan *rasa* iaitu *rasa berahi*, *rasa benci*, *rasa lucu*, *rasa duka*, *rasa wira*, *rasa berang*, *rasa dahsyat*, *rasa kagum* dan *rasa tenang* (Sohaimi, 1998).



1.10.3 Novel

Novel ialah karya sastera bersifat fiksyen yang berbentuk prosa dan ditulis secara naratif dalam bentuk cerita. Novel ialah bentuk sastera yang paling terkenal dalam kalangan pembaca. Kata ‘novel’ berasal daripada kata Itali *novella* yang membawa maksud sesuatu yang baharu atau suatu cerita yang berbentuk baharu. Menurut Hashim Awang (1984), novel ialah karya fiksyen yang panjang dan karangan yang bercorak kisah, iaitu keadaan menduka yang ditulis dalam bentuk prosa. Maka, novel diibaratkan sebagai prosa naratif (Rahman Shaari, 2001).

Biasanya novel memaparkan kisah seseorang watak utama yang diiringi beberapa watak sampingan (Ian Watt, 2001). Watak-watak tersebut pula dipaparkan kepada pembacanya dengan menggabungkan jalinkan latar, plot, teknik plot dan unsur-unsur fiksyen lain di samping rasa, kepekaan dan keperihatinan penulis terhadap apa-apa yang diamati dan dialami oleh masyarakat. Watak -watak ini akan memaparkan pelbagai perasaan. Plot atau jalinan ceritanya adalah berdasarkan aspek permulaan, perkembangan, konflik, kemuncak dan peleraian yang akan menyelitkan aspek persoalan, nilai pengajaran dan mesej yang menyentuh hati nurani pembacanya (Rahman Shaari, 2001).

Menurut Awang Abdullah (2001) novelis akan menggambarkan kisah berlaku berdasarkan latar tertentu dengan mengadunkan percintaan antara wira (hero) dengan wirawati (heroin). Lazimnya, kisah dan watak yang dipaparkan dalam sesebuah novel dapat melahirkan pelbagai perasaan mengikut susunan plot ceritanya. Aspek konflik dan kemuncak boleh mencetuskan perasaan hairan, suspens, marah dan takut



sedangkan peleraian cerita pula dapat menyentuh hati nuraini pembaca dengan mengalirkan air mata pembaca atau perlakuan senyuman atau ketawa untuk melahirkan perasaan gembira. Dalam kajian ini, aspek perasaan watak-watak ini akan diberi tumpuan dan dianalisis.

1.10.4 Rasa

Rasa diibaratkan satu saluran emosional yang merangkum erti kehidupan. Kewujudan dalam kehidupan insan susah dikelaskan kerana rasa itu wujud secara fizikal (Thampi G.B. Mohan, 1965). Rasa dikelaskan sebagai perubahan daripada sentuhan dalaman yang dipindahkan ke dalam fikiran (Daniel Goleman, 1996).



Sohaimi Abdul Aziz (1995), mengemukakan lapan rasa dalam Teori *Rasa-Fenomenologi* iaitu rasa duka, benci, berahi, wira, kagum, dahsyat dan berang. Rasa-rasa yang terdapat dalam sesebuah ciptaan akan menyebabkan tanda kepada pembaca dari segi perubahan pemikiran, emosi dan tanggapan (Muhammad Nor Sahfiq & Mas Rynna Wati Ahmad, 2021). Pengalaman daripada menghayati pembacaan karya tersebut merupakan sesuatu yang bernilai dan pembaca turut merasakan nilai estetikanya, iaitu keindahan serta emosi yang digarap kemas dalam karya tersebut (Stein; Levine, 1990). Setiap rasa yang diperkenalkan oleh Sohaimi Abdul Aziz memberikan impak dan sudut pandangan yang berbeza kepada pembaca kerana perasaan merupakan sesuatu yang abstrak.





Definisi-definisi ini digunakan dalam tesis untuk mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan dengan teori *rasa*-fenomenologi. Selain itu, ekspresi *rasa* merupakan konteks yang penting untuk dikaji dalam kajian ini.

1.11 Rumusan

Penyelidikan ini merupakan satu tunjang bagi memahami perasaan manusia melalui teori *rasa*-fenomenologi. Pengkaji menjalankan kajian ini dengan bertumpu pada objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian yang dibincangkan keseluruhan topik ini. Pemerincian itu menentukan hala tuju kajian ini. Pengkaji ingin melihat penghayatan terhadap perasaan dapat diberikan oleh pengarang dan diterima oleh pembaca melalui teori *rasa*-fenomenologi. Melalui pendekatan teori *rasa*-fenomenologi novel dapat dinilai dengan lebih mendalam oleh pembaca. Dengan ini, pengkaji dapat menghasilkan dapatan kajian yang benar daripada kajian yang dilakukan.